


AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI
2024



AKTIVITI

KUNJUNGAN PENGURUSAN TERTINGGI ACIS KE UITM CAWANGAN PULAU PINANG



Penulis: Dr. Shahirah Said
Pensyarah Kanan ACIS UiTMCPP

Pihak UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menerima kunjungan rasmi Pengurusan Tertinggi ACIS, Shah Alam. Kunjungan yang berlaku pada 13 Oktober 2023 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Pejabat Rektor, UiTM Cawangan Pulau Pinang sekitar jam 9 pagi.

Kunjungan ACIS telah disambut oleh YBhg Prof. Ir. Dr Hj Ahmad Rashidy bin Razali (Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang) dan barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Turut menghadiri perjumpaan ini ialah Ketua Pusat Pengajian dan semua pensyarah ACIS UiTMCPP.

Antara agenda pertemuan dua hala ini ialah;

- Taklimat latar belakang UiTMCPP oleh YBhg Prof Rektor
- Taklimat latar belakang dan pencapaian ACIS UiTMCPP oleh KPP
- Hasrat penubuhan program baharu sarjana muda ACIS di UiTMCPP oleh YBhg Prof Dekan
- Perkongsian idea antara ACIS dan UiTCMPP dalam pelbagai bidang lain seperti geran penyelidikan yang dapat meningkatkan kecemerlangan kedua-dua pihak.

Kunjungan ini diakhiri dengan sesi bergambar, penyampaian cenderamata serta makan tengah hari pejabat ACIS.





جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

PENERBIT

Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.